

Langkah keselamatan mahasiswi UMS

120 peserta jayakan program Women's Self Defense

UB 05-03-2016



DARI KAMPUS

KOTA KINABALU: Exco Helwi, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTM) Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya menjayakan program Women's Self Defense di Dewan Kolej Kediaman Tun Mustapha pada 22 Februari lalu.

Program ini dianjurkan sebagai mempraktikkan keselamatan khususnya kepada kaum wanita.

Program ini bertujuan untuk melatih mahasiswi untuk bersedia menghadapi saat-saat kritikal dan bahaya semasa bersendirian. Namun begitu, program ini bukan sahaja berkaitan praktikal, tetapi terdapat pengisian mengenai keselamatan dan persediaan untuk mahasiswi mempersiapkan diri terhadap sebarang ancaman dan serangan.

Program ini bermula pada jam 9 pagi dan tamat pada jam 1 tengah hari. Slot pertama adalah mengenai seni mempertahankan diri secara ringkas daripada Sitti Nurul Ain Ibrahim selaku JAKMAS Hal Ehwal Siswi dan slot kedua adalah taklimat dan praktikal kelas seni mempertahankan diri yang diberikan oleh SM Nadine selaku penolong pegawai keselamatan UMS.

Seramai 120 peserta yang menyertai program ini terdiri daripada penghuni kediaman UMS.

Menurut pengarah program Vera Clara, seni mempertahankan diri merupakan sesuatu yang amat perlu bagi setiap wanita agar mereka lebih bersedia menghadapi sebarang ancaman dan bahaya di masa akan datang dan dapat menyelamatkan diri walaupun dalam keadaan sendirian.

Selain itu beliau berkata, program seperti ini haruslah

diteruskan di masa akan datang agar dapat melahirkan mahasiswi yang lebih peka

Semasa majlis penutupan program Women's Self Defense, turut hadir Timbalan Pengetua Kolej Ke-




AKSI: Gerakan mempertahankan diri dalam program itu.

dan cakna terhadap keselamatan diri dan sekeliling.


Selain itu, menurut salah seorang peserta program iaitu Nur Alia Abbas Aminudin, "banyak ilmu dan teknik yang berkaitan dengan keselamatan dapat saya peroleh melalui program ini. Saya berharap agar program ini sentiasa diteruskan pada masa akan datang."

di-aman Tun Mustapha, barisan JAKMAS serta mahasiswa dan mahasiswi UMS yang memeriahkan lagi majlis penutupan program berkenaan.

Program yang dijalankan oleh Exco Helwi, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTM) berlansung dengan jayanya.



PESERTA: Antara peserta yang mengambil bahagian.



BERJAYA: Program Seni Bela Diri Wanita tarik perhatian.